
NILAI DAN DUA PERISTIWA NOVEL LEFTENAN ADNAN

Kegigihan

- Adnan gigih menimba ilmu. Walaupun dia tidak fasih berbahasa Inggeris namun dia gigih berlatih untuk memenangi pertandingan syarahan bahasa Inggeris di sekolahnya. Akhirnya Adnan Berjaya dalam pertandingan tersebut.
- Sofia gigih meneruskan kehidupannya setelah kematian suaminya, Adnan. Dia bekerja sebagai pesawah dan menoreh getah bagi menyara kehidupannya dan anak-anak. Meskipun hidup susah semasa pendudukan Jepun namun Sophia tidak pernah berputus asa menyara kehidupannya sekeluarga.

Kasih Sayang

- Mak Limah amat menyayangi Adnan. Dia tidak merestui hasrat Adnan ingin menjadi seorang tentera kerana bimbang keselamatan Adnan. Dia lebih suka Adnan menjadi seorang guru. Akhirnya Mak Limah terpaksa mengalah apabila melihat kesungguhan Adnan.
- Sophia sangat menyayangi suaminya, Adnan. Dia bersedih apabila terpaksa berpisah dengan suaminya yang kembali bertugas di Bukit Candu kerana perang bakal tercetus.

Kerjasama

- Penduduk kampung bekerjasama menyembunyikan Sophia dan anaknya daripada ditangkap oleh tentera Jepun. Hal ini kerana mereka bimbang Sophia dan anak-anaknya akan dcederakan oleh tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Adnan.
- Penduduk Kampung Bukit Candu bekerjasama menguruskan mayat tentera Melayu yang terkorban dalam pertempuran di Bukit Candu. Mereka bekerjasama mengebumikan jenazah tentera Melayu walaupun mayat mereka ditemui dalam keadaan yang menyedihkan.

Kesabaran

- Sophia dan penduduk Tanah Melayu bersabar melalui penderitaan semasa pendudukan Jepun. Mereka hidup dengan serba kesusahan, ketakutan dan kekurangan makanan sewaktu pemerintahan tentera Jepun yang zalim.
- Sophia bersedih atas berita kehilangan Adnan. Dia bersabar menerima berita kehilangan suaminya dan meneruskan kehidupan untuk menjaga anak-anak demi membuktikan kasih sayangnya terhadap suaminya.

Keberanian

- Adnan berani menentang tentera Jepun walaupun kekurangan senjata dan anggota. Dia enggan menyerah kalah walaupun tentera memintanya berbuat demikian. Askar Melayu berani berjuang walaupun hanya menggunakan bayonet.
- Rumah Pak Saidi telah didatangi oleh dua lembaga yang tidak dikenali. Dengan keberanian Pak Saidi dan Adnan, lembaga itu lari lintang pukang, walaupun ada seorang yang mengena belatinya. Rupa-rupanya mereka mengerat tayar basikal milik Pak Saidi.

Kebijaksanaan

- Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang cuba mengaburi mata Askar Melayu dengan memakai turban menyerupai tentera upahan Sikh. Dengan kebijaksanaan Adnan askar tersebut berjaya dibunuh.
- Adnan bijak mengesan muslihat Samad yang merupakan tali barut Jepun. Dengan kebijaksanaan dia telah berpakat dengan Penghulu Deraman untuk memerangkap helah Samad dan akhirnya Samad berjaya ditahan.

Bertanggungjawab

- Adnan bertanggungjawab memastikan keselamatan isteri dan anak-anaknya. Apabila mendengar ura-ura Jepun ingin menyerang Singapura, Adnan telah menghantar keluarganya kembali ke Sungai Ramal.
- Pak Saidi bertanggungjawab memberikan pendidikan yang terbaik kepada anak-anaknya. Walaupun telah dicerca oleh penduduk Kampung Sungai Ramal ekoran tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris namun Pak Saidi tetap dengan keputusannya.